



SOARING
UPWARDS
MALAYSIAN HIGHER EDUCATION



UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Akhir
Sidang Akademik 2017/2018

Mei/Jun 2018

JTW 223 – PENGURUSAN OPERASI

Masa: 3 jam

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi **TIGA (3)** muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan.

Jawab **SEMUA** soalan.

Setiap soalan diperuntukkan 20 markah.

SOALAN 1 (20 markah)

Jadual di bawah menunjukkan aktiviti pembangunan program pemasaran bagi satu produk baharu.

Aktiviti	Aktiviti sebelum (<i>Immediate predecessor</i>)	masa terjangka (<i>expected time</i>)
A	–	3
B	–	4
C	–	5
D	A	8
E	C	7
F	B,E	6
G	C	5
H	F,G	7
I	D,H	6

- (a) Bina rangkaian PERT untuk aktiviti ini. (12 markah)
- (b) Tentukan jumlah masa yang perlu diambil untuk membangunkan produk pemasaran program produk baharu ini. (2 markah)
- (c) Bagaimanakah anggaran masa dapat ditentukan bagi rangkaian PERT? (6 markah)

SOALAN 2 (20 markah)

- (a) Peningkatan berterusan merupakan antara konsep penting dalam Pengurusan Kualiti Menyeluruh (*TQM*). Cadangkan **EMPAT (4)** aktiviti berkaitan konsep ini yang boleh anda jalankan dalam sesebuah organisasi. (12 markah)
- (b) Pemilihan lokasi perniagaan merupakan satu keputusan jangka panjang dan melibatkan kos yang tinggi. Bagaimanakah faktor kos dan produktiviti buruh mempengaruhi keputusan pemilihan lokasi perniagaan? Jelaskan. (8 markah)

SOALAN 3 (20 markah)

Syarikat JJJ Stores merupakan sebuah syarikat peruncitan terkemuka di Jepun. Syarikat ini ingin membuka sebuah pasaraya di Malaysia dan melantik anda sebagai pengurus operasi untuk membentuk susun atur yang strategik. Anda perlu,

- (a) Berikan lakaran yang bersesuaian bagi susun atur ini. (2 markah)
- (b) Cadangkan strategi yang bersesuaian untuk membentuk susun atur yang berkesan bagi pasaraya tersebut. (18 markah)

SOALAN 4 (20 markah)

- (a) Pengurusan rantaian bekalan melibatkan dua keputusan penting sama ada buat-atau-beli (*make-or-buy*) atau penyumbeluran (*outsource*). Berikan **LIMA (5)** sebab pengurus operasi lebih memilih keputusan buat-atau-beli berbanding penyumbeluran. (10 markah)
- (b) Nyatakan **LIMA (5)** jenis pembaziran operasi yang boleh dikurangkan melalui amalan Sistem Pengeluaran Toyota. (10 markah)

SOALAN 5 (20 markah)

- (a) Syarikat peruncitan XX mengalami penurunan jualan disebabkan masalah pengurusan inventori seperti kecurian barang, pesanan tertangguh dan penyimpanan inventori berlebihan. Bagaimanakah Sistem ABC dapat membantu menguruskan masalah inventori ini? Jelaskan. (10 markah)
- (b) Terangkan input utama yang diperlukan bagi menjalankan Perancangan Keperluan Bahan dengan berkesan. (10 markah)